

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain Bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan bagi mengekang isu ulat tiket bagi tiket kapal terbang serta perancangan Kementerian bagi meletakkan harga syiling tiket penerbangan terutama pada musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan terutamanya semasa musim perayaan.
2. Pengguna disarankan untuk berwaspada dan membeli tiket penerbangan daripada sumber yang boleh dipercayai dan terkawal seperti pembelian secara terus di laman web syarikat-syarikat penerbangan.
3. Walaupun pengguna boleh membeli tiket melalui *Online Travel Agents* (OTA) dan *Physical Travel Agents* (PTA) yang berdaftar, sesetengah platform tempahan ini beroperasi dari luar negara dan OTA dan PTA tersebut tidak dikawal oleh undang-undang Malaysia.
4. Berhubung mekanisme pengawalan harga tambang penerbangan, penetapan harga tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.
5. Walaubagaimanapun, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju supaya Kerajaan melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehala bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/Wilayah Persekutuan Labuan sempena perayaan Pesta Kaamatan yang disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023.

NO. SOALAN: 77

6. Kementerian Pengangkutan telah berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan di mana Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehala dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut.
7. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak/Labuan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi.
8. Anggaran kos keseluruhan bagi bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena musim perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2023 adalah sebanyak di antara RM5.8 juta hingga RM11.4 juta meliputi bayaran perolehan baki tiket penerbangan dan bayaran sewa khas penerbangan.
9. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman sempena perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

Sekian, terima kasih.